

Menyedari Keberkesanan Perubatan Tradisional Serta Kaitannya dalam Menyemai Minat Pelajar Terhadap Bahasa Melayu: Satu Kajian Kes

Norazian Md Yahya

Marini Hassan

CHIJ Katong Convent
marini_hassan@moe.edu.sg

Abstrak

Perubatan tradisional dahulunya diyakini masyarakat Melayu bagi merawat sakit pening sebelum perubatan moden diperkenalkan dengan kehadiran doktor serta pakar farmasutikal. Semakin generasi muda kita didedahkan kepada ilmu sains dan teknologi, semakin berkurangan keyakinan masyarakat Melayu terhadap cara lama dukun dan pawang mengubati penyakit mereka. Adalah penting bagi masyarakat Melayu kini menyedari keberkesanan perubatan tradisional malah meyakini manfaatnya supaya ilmu yang diwarisi secara turun-temurun ini tidak lenyap dengan berkembang pesatnya bidang sains dan teknologi. Melalui pendedahan terhadap alam semula jadi seperti tumbuh-tumbuhan yang mudah terdapat di Singapura serta cara perubatan tradisional yang masih ada pengamalannya, pelajar-pelajar menengah tiga di CHIJ Katong Convent diharap dapat menimba ilmu cara-cara lama masyarakat Melayu merawat penyakit selain berkongsi pengetahuan baharu mereka melalui blog untuk dikongsi bersama keluarga, rakan dan masyarakat Melayu umumnya. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar lebih berminat untuk mempelajari bahasa Melayu.

Kata kunci

Perubatan Tradisional, Menyemai Minat, Bahasa Melayu

PENGENALAN

Perubatan tradisional dipilih sebagai bidang tumpuan untuk diselidiki atas dasar nilai-nilai serta manfaat-manfaat yang ditawarkan sejak perubatan ini mula dipraktikkan oleh pengamal-pengamalnya sejak berkurun lalu. Namun begitu, tahap ilmu seseorang pawang, bomoh, bidan dan dukun kurang diketahui berbanding dengan pengamal perubatan moden. Oleh yang demikian, adalah menarik sekiranya perubatan tradisional dijadikan topik pembelajaran supaya pengetahuan khusus yang dimiliki pengamal perubatan tradisional yang hanya diketahui oleh segelintir masyarakat sahaja boleh dimanfaatkan oleh generasi masa kini.

Selain ilmu yang dimiliki oleh golongan pengamal, perubatan tradisional turut merangkumi pengetahuan berkaitan tumbuh-tumbuhan, penjagaan kesihatan dan aneka rawatan yang dipercayai berupaya menyemai minat pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Topik silang subjek ini juga membolehkan proses mencantas ilmu sedia ada pelajar daripada subjek-subjek lain seperti Sains dan Ilmu Alam.

Selain itu, perubatan tradisional yang menghadapi cabaran dengan pengenalan masyarakat kepada perubatan moden seakan menggambarkan situasi Bahasa Melayu yang berhadapan dengan penggunaan meluas Bahasa Inggeris. Muhamad Zakaria dan Mustafa Ali Mohd (1994) turut menggambarkan hal ini dengan menyatakan bahawa perubatan tradisional yang tinggi nilai khasiat dan berupaya merawat pelbagai penyakit; sayangnya tidak dipersembahkan kepada masyarakat dengan cara yang menakjubkan. Dengan ini, perubatan tradisional tidak diberi pengiktirafan dalam kalangan masyarakat sedangkan ilmu ini merupakan sebahagian daripada warisan bangsa yang harus diberi kedudukan yang sewajarnya. Jika diteliti pernyataan pendapat tersebut, perubatan tradisional turut menampakkan hal yang sama dengan Bahasa Melayu. Jika pelajar tidak dicelikkan untuk melihat darjat dan keupayaan bahasa ibunda, bahasa Melayu mungkin akan menerima nasib serupa dengan perubatan tradisional yang kini semakin susut jumlah pengikutnya akibat keyakinan yang lebih memihak kepada perubatan moden .

PERNYATAAN MASALAH

Pelajar-pelajar Bahasa Melayu menengah tiga CHIJ Katong kurang berpeluang mendalami Bahasa Melayu di luar waktu kurikulum yang sememangnya singkat. Dengan tumpuan pelajar menengah atas lazimnya semakin terbahagi berikutan

penekanan tambahan terhadap subjek-subjek lain, minat terhadap Bahasa Melayu mula merosot kecuali jika topik pembelajaran yang dipilih berupaya mengekalkan minat mereka.

Segolongan besar pelajar didapati mempunyai kosa kata yang terbatas dan ini menyukarkan proses temu bual dan penyelidikan yang perlu dijalankan.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk:

1. menyedarkan pelajar tentang keberkesanan perubatan tradisional;
2. mempermudah pelibatan dan pembelajaran pelajar secara aktif silang subjek; dan
3. menyemai minat pelajar terhadap Bahasa Melayu.

KAJIAN LITERATUR

Kajian lepas tentang perubatan tradisional memang telah banyak dijalankan. Menurut Siti Melur Zainal (2013) dalam buku bertajuk 'Khasiat Tumbuhan Herba', orang Melayu khususnya memiliki kemahiran dan pengetahuan tentang tumbuh-tumbuhan yang boleh dijadikan ubat dan penawar kepada pelbagai penyakit. Siti Aisyah Hussain (2008) yang menyelaras 'Petua Rasa- Menyelongkar Petua Dapur Turun Temurun', turut berpendapat bahawa petua-petua yang diperturunkan secara lisan diakui sangat membantu sekiranya diamalkan dengan betul.

Namun begitu, tiada pula kajian yang dijalankan yang mengaitkan secara khusus perubatan tradisional dengan penggunaan Bahasa Melayu.

Oleh yang demikian, kajian kes ini diharapkan dapat mengukur perubahan dalam minat pelajar terhadap Bahasa Melayu sebelum dan sesudah pengenalan kepada bidang atau topik perubatan tradisional dijalankan.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian tindakan. Data yang dikumpul merupakan data kualitatif yang mana teknik temu bual dipilih sebagai cara memungut data. Pelajar-pelajar diarahkan mewawancara generasi terdahulu dalam kalangan ahli keluarga mereka tentang tahap kepercayaan terhadap perubatan tradisional serta perubatan tradisional yang masih diamalkan. Perkongsian oleh nenek dan datuk

pelajar dijadikan sebagai kajian awal. Proses pralawatan kedua pula memerlukan pelajar-pelajar melakukan soal-selidik dalam kumpulan antara tiga dengan empat orang anggota. Mereka kemudian diarahkan untuk mengenal pasti penyakit yang ingin dirawat.

Bagi tujuan penyelarasan, hanya penyakit-penyakit yang merangkumi telinga, hidung serta tekak selain sistem penghadaman perlu diselidiki. Kemudian, mereka menyertai lawatan ke Kebun Bunga Singapura untuk menggunakan kaedah pemerhatian bagi mengenal pasti tumbuh-tumbuhan yang boleh dijadikan ubat untuk merawat penyakit-penyakit umum seperti demam dan kembung perut.

SUBJEK KAJIAN

Kajian ini melibatkan pelajar-pelajar menengah 3 CHIJ Katong. Pelajar-pelajar telah dikenal pasti sebagai peserta 'Teroka Pembelajaran 2014' dengan topik 'Perubatan Tradisional untuk Masyarakat Moden' kerana minat mereka terhadap Bahasa Melayu perlu diperkukuh memandangkan tiada program khusus yang disasarkan bagi pelajar peringkat ini tahun lalu. Topik perubatan tradisional pula dipilih kerana topik ini menawarkan peluang penglibatan dan pembelajaran silang subjek yang menarik lagi bermanfaat, iaitu penjagaan kesihatan secara alami yang mudah dan murah.

Seramai 36 pelajar dari aliran Ekspres, Normal Akademik dan Normal Teknikal mengikuti lawatan ke Kebun Bunga Singapura selepas menjalani beberapa sesi pralawatan yang termasuk menonton video berkaitan perubatan tradisional serta perbincangan tentang pengamal-pengamalnya.

INSTRUMEN KAJIAN

Alat kajian yang digunakan dalam penyelidikan pelajar ialah senarai soal selidik yang dikumpulkan semasa proses pralawatan. Pemerhatian serta pemantauan guru ketika berlangsungnya lawatan ke Kebun Bunga Singapura turut menyumbang ke arah proses menilai keberkesanan lawatan pembelajaran. Penggunaan log refleksi disertakan sama dalam pakej pembelajaran bagi memudahkan guru memantau peningkatan bahasa serta pemikiran para pelajar.

PROSEDUR KAJIAN

Kajian terbahagi kepada tiga proses iaitu pralawatan, lawatan dan poslawatan.

Kajian ini dirancang sedemikian kerana topik perubatan tradisional mungkin kurang diketahui pelajar-pelajar yang lebih terdedah kepada perubatan moden.

Langkah Pertama: Pralawatan

Proses pertama bertujuan mendedahkan pelajar kepada topik ini melalui temu bual bersama ahli keluarga serta tayangan video tentang perubatan tradisional. Tahap pemahaman pelajar turut diukur dengan latihan kefahaman yang menyusuli tayangan video serta perbincangan berkumpulan yang mengikuti sesi temu bual. Sebelum tamatnya proses ini, pelajar perlu menetapkan penyakit umum yang ingin dicari penawarnya semasa lawatan ke Kebun Bunga Singapura.

Langkah Kedua: Lawatan

Pelajar dibawa ke Taman Bunga Singapura. Dalam kawasan taman yang dipanggil *Healing Garden*, pelajar-pelajar menjalani proses selanjutnya di mana mereka mencari tumbuh-tumbuhan yang boleh dijadikan penawar bagi penyakit seperti demam dan kembung perut.

Gambar-gambar pokok serta daun-daun dipetik seperti yang diarahkan dalam kertas latihan yang diberi semasa lawatan dua jam ke taman tersebut. Informasi-informasi seperti nama saintifik tumbuhan serta cara daun-daun boleh dijadikan penawar juga dirakam pelajar berdasarkan maklumat yang dipamerkan di merata taman.

Langkah Ketiga: Pascalawatan

Proses terakhir pula memerlukan pelajar-pelajar menyatukan semua bahan penyelidikan dalam bentuk blog, brosur ataupun poster. Objektif pembelajaran tidak langsung bagi projek ini ialah perkongsian pengetahuan bersama masyarakat umum melalui penyampaian yang menarik serta penggunaan bahasa yang baik.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Para pelajar telah mengutarakan pengalaman mereka ketika diberi peluang untuk menemu ramah ibu bapa atau generasi terdahulu bagi aktiviti pralawatan yang dijalankan seminggu sebelum lawatan ke Taman Botani Singapura. Salah seorang pelajar bukan Melayu menyuarakan rasa seronoknya:

“Sudah lama saya tidak berbual dengan nenek ibu saya kerana saya tidak pandai berbual dalam bahasa Melayu. Nenek saya pula hanya faham bahasa Melayu. Tetapi, apabila diberi peluang untuk bertanya nenek saya tentang contoh-contoh tumbuh-tumbuhan yang boleh mengubati

sesuatu jenis penyakit, saya berasa seronok kerana ada juga perkara yang boleh diajak berbual dengan nenek saya. Saya tahu nenek saya masih amalkan perubatan tradisional Melayu.”

Berdasarkan pemerhatian guru ketika di Kebun Bunga Singapura pula, para pelajar menunjukkan sikap dan nilai-nilai yang positif sungguhpun cuaca agak panas semasa lawatan tersebut berlangsung. Mereka mempamerkan sikap tanggungjawab serta menghormati tumbuh-tumbuhan di taman itu. Dalam salah satu log renungan seorang pelajar, beliau menyatakan bahawa:

“Apabila saya ternampak kawan saya hampir ingin memetik sekuntum bunga di sana, saya dengan segera memberhentikaninya dan mengingatkannya supaya menghormati alam semula jadi di taman.”

Penggunaan laman Padlet.com juga telah membantu menyemarakkan suasana pembelajaran. Berdasarkan pemantauan guru, pelajar-pelajar sangat gembira memetik gambar-gambar semasa berada di Kebun Bunga Singapura sebelum memuatnaikkan gambar-gambar di laman tersebut. Proses ini dilakukan secara berkumpulan dengan disertakan maklumat-maklumat yang sesuai dan relevan untuk mengaitkan tumbuh-tumbuhan yang diperlukan dengan perubatan tradisional yang telah dikenal pasti.

KESIMPULAN

Melalui maklum balas yang diterima, 100% subjek menyatakan bahawa mereka menyedari keberkesanan perubatan tradisional setelah menjalani ketiga-tiga proses yang dirancang dalam kajian ini. Pendedahan kepada tumbuh-tumbuhan dan aspek rawatan tradisional juga mempermudah pelibatan serta pembelajaran pelajar secara aktif silang subjek.

Akhir sekali, bukti pembelajaran yang dihasilkan pelajar berjaya mempamerkan minat terhadap Bahasa Melayu yang semakin ketara dengan blog yang menggunakan bahasa secara berkesan, brosur yang direka dengan penggunaan bahasa yang ringkas tetapi sesuai serta poster yang membuktikan keupayaan pelajar aliran terlemah menghasilkan bahan bacaan yang padat lagi bermakna. Ternyata perubatan tradisional merupakan topik pilihan yang tepat bagi kajian ini kerana topik ini berupaya membantu pelajar mencapai objektif-objektif pembelajaran selain memberi manfaat jangka panjang dan meluas kepada pelajar, keluarga mereka dan masyarakat.

Nota:

Guru berikut turut terlibat dalam kajian yang dijalankan.

1. Zairina Mohd Zen

RUJUKAN

Meeth, L.R. (1978). *Interdisciplinary Studies: Integration of Knowledge and Experience.*

Muhammad Zakarai & Mustafa Ali Mohd (1994). *Traditional Malay Medicinal Plants.*

Siti Aisyah Hussain (2008). *Petua Rasa- Menyelongkar Petua Dapur Turun Temurun.*

Siti Melur Zainal (2013). *Khasiat Tumbuhan Herba.*

Zaharah Hasan (2007). *Beauty is Beyond Skin Deep- Traditional Treatments for Women.*